

Seminar antara agama ditangguh bukan batal

BH-13/5/2007.

Tarikh lebih sesuai dicari untuk dihadiri Perdana Menteri

Oleh Amirullah Andi Nur dan Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, seminar antara agama peringkat antarabangsa antara Islam-Kristian yang sepatutnya diadakan di negara ini minggu ini bukan dibatalkan, sebaliknya ditangguh ke tarikh lain.

Perdana Menteri berkata, penundaan itu terpaksa dibuat kerana beliau sendiri mahu menyertai persidangan penting itu.

Seminar The Building Bridges Global Interfaith itu sepatutnya berlangsung pada 7 hingga 11 Mei ini.

“Saya ada peranan penting dalam persidangan itu, saya tidak mahu diadakan ketika saya tiada di sini (ibu

negara),” katanya selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-61, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kekeliruan dan persoalan yang timbul berikutan pembatalan persidangan berkenaan.

Persidangan dipengerusikan Ketua Biskop Canterbury, Dr Rowan Williams, itu adalah perjumpaan tahunan ahli akademik agama yang ditubuhkan selepas kejadian 11 September 2001 di Amerika Syarikat, bertujuan menggalakkan dialog antara agama.

Persidangan berkenaan sebelum ini pernah diadakan di London, New York, Qatar dan Sarajevo dan sepatutnya diadakan Kuala Lumpur minggu ini, tetapi dilaporkan di-

batalan kerajaan.

“Kita tangguhkan kerana ada perkara yang perlu saya hadiri segera, jadi kita kena cari tarikh lain yang sesuai,” katanya tanpa menyebut tarikh baru.

Sementara itu, Perdana Menteri menegaskan beliau melaksana dan meneruskan dasar negara dengan cara apa beliau fikirkan terbaik.

“Kita berada di landasan untuk mencapai objektif terpenting yang ditinggalkan Tun (Dr Mahathir Mohamad), iaitu Wawasan 2020.

“Saya buat cara yang saya rasa terbaik, itulah yang saya lakukan sekarang,” katanya mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri itu ketika diwawancara Malaysiakini baru-baru ini yang antara lain menyenutuh corak kepemimpinan Abdullah.

Menjawab soalan lain, Abdullah berkata, Malaysia mengamalkan pendekatan terbaik dengan semua negara, termasuk Jepun dan China yang dianggap sebagai rakan.

Katanya, Malaysia berharap Jepun dan China terbaik dan mengekalkan hubungan baik berterusan.

Mengenai Penilaian Tahap Kecapaian (PTK), yang dikatakan penghalang kenaikan pangkat kakitangan awam, Perdana Menteri berkata, beliau akan menyentuh perkara itu pada majlis perhimpunan dengan kakitangan awam 21 Mei ini.

Selain meminta kenaikan gaji, Cuepacs dalam memorandumnya kepada Perdana Menteri sebelum ini turut mendesak PTK dimansuhkan kerana menyekat kenaikan pangkat kakitangan awam.